

# Hentikan agenda gugat perpaduan kaum

UM - 28/5/2007

SAIZ perkhidmatan awam yang tidak terkawal hari ini sebahagian besarnya berpunca dari dasar kerajaan yang telah menjadikan perkhidmatan awam negara sebagai tapak buangan bagi golongan yang sensitif dari sudut politik iaitu graduan Melayu yang menganggur.

Dengan menyerap para graduan yang tidak mampu memperoleh pekerjaan di sektor swasta, ia telah melahirkan perkhidmatan awam yang memiliki tenaga kerja berkualiti rendah di samping meningkatkan beban kewangan kerajaan.

Itu adalah terjemahan paragraf lima dan enam kenyataan Tony Pua, Penasihat Ekonomi kepada Setiausaha Agung DAP yang diambil dari kenyataan akhbar beliau seperti yang dipaparkan di blognya di bawah tajuk *Pay Day For The Civil Service* bertarikh 22 Mei 2007.

Saya amat bersetuju dengan kenyataan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin bahawa kenyataan Tony Pua bersifat menghina dan angkuh terhadap lebih sejuta kakitangan awam di negara ini dan beliau perlu meminta maaf kepada mereka.

Kedegilan Tony Pua yang enggan meminta maaf kepada anggota perkhidmatan awam negara dan langkahnya men-

cabar Khairy untuk berdebat tajuk "Kecemerlangan Perkhidmatan Awam: Kualiti vs Kuantiti" mencerminkan hakikat bahawa kenyataan menghina yang dibuat oleh beliau sememangnya disengajakan dan ia memaparkan pandangannya terhadap standard perkhidmatan awam negara khususnya dan kualiti graduan Melayu amnya.

Kenyataan beliau adalah sebenarnya urutan kepada pendapatnya yang terdahulu seperti yang terkandung di ruangan blog *educationmalaysia* di mana beliau turut menyumbang pendapat. Di blog tersebut di bawah tajuk *Civil Service Dump For Unemployed Graduate* bertarikh 13 Julai 2006. Sebenarnya Tony Pua sengaja menutup mata kepada fakta dan hakikat bahawa anggota perkhidmatan awam adalah antara penyumbang terbesar kepada kemajuan yang telah dicapai oleh negara semenjak merdeka melalui dedikasi, profesionalisme, usaha gigih dan kualiti yang dimiliki mereka.

Sebenarnya kenyataan Tony Pua ini sebahagian daripada siri tindakan memprovokasi orang Melayu oleh parti DAP. Manakan tidak graduan Melayu yang menganggur dan gagal mendapat pekerjaan di sektor swasta terus dicap dan

ditanggap sebagai mempunyai kualiti rendah. Beliau langsung tidak mengambil kira pelbagai sebab lain yang menyebabkan mereka gagal memperoleh pekerjaan di sektor swasta terutamanya sikap sesetengah syarikat swasta yang dimiliki kaum bukan Melayu yang mengamalkan sikap diskriminasi dalam memilih pekerja dengan memperkenalkan pelbagai syarat diskriminatif seperti keperluan menguasai bahasa Mandarin.

Kenapa kebelakangan ini kerap sangat parti DAP, pemimpin atau bekas pemimpinnya mengeluarkan kenyataan yang boleh merosakkan perhubungan kaum di negara tercinta ini? Sebelum timbul isu kenyataan Tony Pua ini beberapa isu sensitif yang lain telah dibangkitkan oleh golongan ini.

Adakah DAP terutamanya golongan pemimpin pelapisnya sudah tidak ada cara lain untuk mendapat sokongan rakyat. Perlukah mereka meneruskan warisan parti mereka yang meniup api perkauman bagi memperoleh sokongan kaum Cina. Semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan perlu menyoal parti DAP dan parti-parti yang sewaktu dengan mereka adakah parti-parti ini mahu melihat Malaysia yang aman damai, stabil, mak-

mur dan berpaksikan keadilan sosial atau mereka mahu lihat Malaysia yang sarat dengan masalah perhubungan kaum sehingga rakyat tidak dapat mencari rezeki dan membina kehidupan mereka.

Sebenarnya Tony Pua dan rakan-rakannya adalah simptom kepada apa yang menjadi masalah utama kepada parti DAP. Mereka adalah wajah sebenar kepada DAP iaitu sebuah parti yang sebenarnya tidak berminat untuk mewujudkan Malaysia untuk semua orang Malaysia seperti slogan muluk yang dilaungkan. Sebaliknya parti tersebut berpijak di atas kebimbangan, ketakutan dan ketidakpercayaan kaum Cina tanpa mengambil kira bahawa masyarakat Melayu pun mempunyai kebimbangan, ketakutan dan ketidakpercayaannya yang tersendiri yang perlu ditangani.

Apa yang lebih menggerunkan bahawa DAP tidak sedar atau sengaja tidak mahu sedar bahawa jalan yang diambilnya adalah jalan yang boleh merosakkan negara untuk jangka masa panjang.

**- IRMOHIZAM IBRAHIM**  
Ahli Majlis Tertinggi,  
Gabungan Pelajar Melayu  
Semenanjung (GPMS).